

## **Hisbah Pembelajaran Kendiri dalam Pendidikan Islam**

*Mardzelah Makhsin*

[mazfaniy@uum.edu.my](mailto:mazfaniy@uum.edu.my)

*Universiti Utara Malaysia*

*Ab. Halim Tamuri*

[tamuri67@gmail.com](mailto:tamuri67@gmail.com)

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Mohd. Aderi Che Noh*

[aderi@ukm.my](mailto:aderi@ukm.my)

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Mohamad Fadhli Ilias*

[fadhli\\_iptips@yahoo.com](mailto:fadhli_iptips@yahoo.com)

*Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis*

### **ABSTRAK**

*Hisbah* pembelajaran kendiri adalah suatu sistem pengawasan yang melibatkan proses pengawasan dalaman dalam memastikan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an-al-munkar* (menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemunkaran) dilaksanakan dalam Pendidikan Islam. Proses ini penting dalam membina kesedaran berakhlak dalam kalangan murid terutama yang sering berhadapan dengan krisis identiti diri dan mudah terjerumus ke dalam gejala-gejala sosial yang tidak sihat. Bagi mengatasi masalah ini, *hisbah* pembelajaran kendiri dalam Pendidikan Islam perlu ditekankan bagi merealisasikan pembinaan akhlak yang cemerlang di dunia dan di akhirat. *Hisbah* pembelajaran kendiri dalam Pendidikan Islam ditinjau melalui enam proses kawalan *muhasabat al-nafs*. Proses kawalan *muhasabat al-nafs* adalah suatu usaha dalam menyedarkan akhlak melalui penghayatan keagamaan dan kerohanian yang mantap dan selari dengan fitrah dan kehendak Islam. Enam proses kawalan *muhasabat al-nafs* diadaptasikan sebagai *hisbah* pembelajaran kendiri yang melibatkan amalan *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'aqabah*, *mujahadah* dan *mu'atabah*. Kajian ini dijalankan untuk melihat kesahan muka bagi mengukur amalan musyaratah dalam kalangan murid tingkatan empat.

**Kata kunci :** *hisbah*, pembelajaran, kendiri, pendidikan Islam, kawalan berakhlak.

### **ABSTRACT**

*Hisbah Self Learning is a controlling system that involves inner control process in ensuring al amr bil ma'ruf wa al-nahy an-al munkar. (Islamic duty of enjoining good and forbidding evil) executed in Islamic Education. This is very vital in building the moral values among the students especially the ones who are having crisis with their own identity and are jeopardized into social ills. Hisbah Self Learning need to be emphasized to overcome this problem and to realize the building of excellent moral values in the world and the hereafter. Hisbah self learning in Islamic Education is monitored through six controlling processes of muhasabat al-nafs. Controlling process of muhasabat al-nafs is an effort to make them realize about the moral values via the appreciation of religion and spirituality*

*and parallel to Islam's nature and obligatory. The six processes of muhasabat al-nafs is adapted as Hisbah self-learning that involves the action of musyaratah, muraqabah, muhasabah, mu'aqabah, mujahadah dan mu'atabah.*

**Kata kunci:** *hisbah, self learning, Islamic education, akhlak, moral.*

## PENDAHULUAN

Pendidikan adalah proses berterusan ke arah melahirkan modal insan yang cemerlang yang melibatkan pengembangan kognitif, psikomotor dan afektif dalam diri seseorang. Ini bersesuaian dengan matlamat kurikulum bersepadu yang digubal dalam sistem pendidikan di Malaysia yang memberi penekanan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan daya intelek dan memiliki pelbagai kemahiran serta pembinaan akhlak. Dengan kata lain, pembentukan akhlak mulia yang merangkumi perkembangan nilai insaniah dalam kalangan murid adalah agenda utama pendidikan di Malaysia. Ini jelas termaktub dalam Laporan Kabinet 1979 dan Akta Pendidikan 1996 yang kemudian dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh yang demikian, pendidikan akhlak adalah suatu usaha melahirkan insan soleh yang cemerlang dari semua aspek dengan nilai-nilai murni dalam menghayati kehidupan yang seimbang dunia dan akhirat (Ajmain, 2009). Berikut itu, proses mendidik akhlak adalah tanggungjawab yang perlu diberi perhatian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang dijelaskan dalam Falsafah Pendidikan Islam iaitu:

*“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”.*

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998)

Falsafah Pendidikan Islam dengan jelas menunjukkan bahawa Pendidikan Islam di Malaysia mempunyai hala tuju dan matlamat membentuk generasi muslim yang soleh dan berkemampuan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah yang diamanahkan oleh Allah. Abdul Halim el-Muhammady (1993) menjelaskan bahawa pendidikan dalam Islam memberi penekanan kepada beberapa konsep iaitu; pendidikan seumur hidup, pembangunan seluruh potensi manusia secara bersepadu yang mencakupi aspek kognitif, afektif dan sosial; melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan amanah sebagai khalifah di muka bumi; memakmurkan amalam atas dasar kesepadan dan kesempurnaan iman serta ilmu dan amal soleh untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Falsafah Pendidikan Islam juga berperanan meletakkan gagasan dalam melahirkan individu yang soleh, warganegara yang beriman dan berperibadi mulia dengan memiliki keseimbangan dari segi material dan rohani (Mohd Yusuf 2002 dan Ahmad Mohd Salleh 2008). Kenyataan ini selari dengan pandangan al-Attas (1994) yang menjelaskan bahawa hakikat keinsanan merujuk kepada manusia adalah makhluk berkedudukan dan perlu diiktiraf oleh makhluk yang lain. Kedudukan manusia dilihat kepada kelebihan berakal yang diseimbangi dengan rohaniah dan jasmaniah. Kelebihan manusia juga terletak kepada kemampuan menggunakan akal dalam memiliki ilmu pengetahuan bagi mengendalikan alam dengan berhikmah. Ilmu pengetahuan yang dianugerahkan perlu diselaraskan dengan tuntutan rohaniah dan jasmaniah agar keseimbangan bertingkah laku sebagai hamba Allah dan tanggungjawab sebagai khalifah diasaskan kepada aqidah, syariah dan akhlak yang sempurna. Selaras dengan itu, manusia yang dididik dengan Falsafah Pendidikan Islam

dibekalkan ilmu pengetahuan yang bersifat ketakwaan, keikhlasan, amanah, kasih sayang dan berakhhlak mulia (Khadijah, 2009). Kesimpulannya, manusia memerlukan pendidikan yang berterusan agar manusia sentiasa memiliki kekuatan atas manusia iaitu akal, hati, roh dan jasad. Elemen kekuatan yang dianugerahkan kepada manusia perlu kepada proses pendidikan yang berterusan agar manusia menyedari tentang amanah dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. Tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah menuntut kepada ilmu pengetahuan dan tingkah laku yang berteraskan kepada keimanan yang diperkenalkan melalui akhlak Rasulullah s.a.w sebagai role model yang terbaik kepada seluruh makhluk terutamanya yang dikategorikan sebagai insan kamil yang soleh.

## SOROTAN KARYA

Pengawasan Diri Sendiri (*al-raqabat al-zatiyyah*) atau *muhasabat al-nafs* ialah amalan memperhitung diri sendiri terhadap segala amalan yang dilakukan sepanjang hari (al-Basya, 1966). Pengawasan ini bergantung kepada keinginan seseorang memahami rahsia-rahsia ajaran Islam dan menerapkan sifat taqwa ke dalam jiwanya. Bertitik tolak daripada keinginan tersebut juga akan melahirkan seorang yang sentiasa mendispilinkan dirinya dalam mempratikkan ajaran Islam. Dengan atas dan pegangan ajaran Islam yang telah diperkenalkan, seseorang yang bertanggungjawab sebagai pengurus mampu berusaha membendung dirinya daripada melakukan kemungkaran semasa menjalankan tugas harian (Auni Abdullah, 2000). Kesimpulannya, pengawasan diri sendiri bermula apabila wujud kesedaran dalam melalui proses penghayatan dan penerapan amanah dan bertanggungjawab sebagai hamba Allah S.W.T. dan menganggap kerja yang dipikul sebagai ibadat yang sentiasa diberi penilaian di dunia dan di akhirat. Mengenai pengawasan ini, terhadap enam tahap yang perlu dilakukan untuk menjadikannya prinsip *hisbah* berkesan dalam pentadbiran dan pengurusan. Tahap-tahap itu ialah (Sa'id Hawwa, 1998) :

### 1. *Musyaratah* (Perjanjian Hati)

*Musyaratah* bermaksud membuat persyaratan melalui ikatan perjanjian di dalam hati atau menanam azam di dalam kehidupan. Berdasarkan pensyaratannya yang disematkan, seseorang dapat melaksanakan tanggungjawabnya sebagaimana yang ditetapkan. *Musyaratah* amat penting bagi mengelak pertentangan dan konflik dalaman yang sering wujud dalam diri manusia. Oleh itu, tujuan utama *musyaratah* adalah menetapkan keazaman diri seseorang dengan matlamat yang jelas tanpa dicampuri dengan hal-hal yang lain. Kesimpulannya, proses *musyaratah* dimulakan dengan niat atau azam yang dihasilkan oleh ma'rifat, kemudian niat tersebut disematkan ke dalam hati untuk diaplikasikan oleh anggota badan (Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, 1990). Keadaan ini dapat memberi petunjuk kepada manusia untuk berada di atas kebenaran dan dijauhi daripada terjerumus ke medan kemungkaran. Bahkan *musyaratah* juga akan melahirkan kesucian jiwa yang membawa kebahagian, keselamatan dan keuntungan. Firman Allah S.W.T.:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا ﴿١﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا

Maksud: “Sesungguhnya berbahagialah orang yang menyucikan jiwanya, dan menyesallah atau rugilah orang yang mengotori jiwanya sendiri.”

(Surah *al-Syams*, 91:9-10)

## 2. *Muraqabah* (Pemerhatian Tingkah laku)

*Muraqabah* bererti berwaspada dan berhati-hati terhadap serangan penyakit rohani yang wujud dalam diri manusia. Tujuannya ialah menjaga kesopanan diri terhadap Allah Yang Maha Mengawasi segala gerak-geri manusia. (Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, 1990) Dengan demikian, seseorang yang memiliki sifat *muraqabah* dapat mengatasi kelemahan diri sendiri dalam menjalankan ketaatan kepada Allah S.W.T. dan membatasi dirinya daripada cenderung kepada kemaksiatan. (Hamzah Ya'qub, 1985) Sifat *muraqabah* dapat disemai melalui keyakinan bahawa Allah S.W.T. sentiasa melihat dan memperhatikan gerak geri manusia. Firman Allah Taala:

يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكُسِّبُونَ ﴿٣﴾

Maksud: “Dia (Allah) mengetahui batin kamu dan lahir kamu, dan Dia mengetahui apa yang kamu akan usahakan.”

(Surah *al-An'am*, 6:3)

## 3. *Muhasabat* ( memperhitungkan diri )

*Muhasabat* ertinya menghitung atau menganalisis diri terhadap amalan-amalan hidup yang telah dilakukan. Memperhitungkan amalan memerlukan penilaian melalui menganalisis setiap perbuatan untuk mengetahui kesilapan atau kesalahan yang lalu. Seterusnya hasil daripada menganalisis diri yang dilakukan, hendaklah diperbetulkan dengan segera agar kesilapan tidak berulang lagi. Konklusinya, konsep *muhasabat* bertujuan membentuk disiplin diri supaya sentiasa membuat penilaian di dalam menentukan corak kehidupan (Lutfi, 2000). Firman Allah S.W.T.:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا أَتَقُوا اللَّهَ وَلَا تَنْظُرُنَفْسٌ مَّا فَدَدَتْ لِغَدِيرَاتَقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksud: “Wahai orang-orang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan setiap diri hendaklah melihat apa yang telah berlalu dari amalan-amalannya untuk hari esok dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

(Surah *al-Hasyr*, 59:18)

Dalam ayat di atas menerangkan bagaimana proses *muhasabat al-nafs* dilaksanakan. Proses *muhasabat al-nafs* bermula dengan penilaian diri yang dijalankan melalui kajian semula tingkah laku perbuatan yang telah dilakukan. Hasil daripada keputusan penilaian tersebut akan dijadikan panduan untuk mengelak daripada berterusan dengan tingkah laku tersebut. Langkah yang terakhir bagi proses *muhasabat al-nafs* ialah meninjau ke hadapan dengan memikirkan apa yang terbaik untuk dilakukan pada keesokan hari. Dengan cara ini segala kesilapan yang berlaku pada dirinya dapat diperbaiki dengan segera. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

تَفَكُّرٌ سَاعَةٌ خَيْرٌ مِّنْ عِبَادَةٍ سَنَةٍ

Maksud: “Berfikir sesaat lebih baik daripada beribadat setahun”

(Al-Ghazali, 1989)

Dari sudut peranan *muhasabat al-nafs*, ia dapat mempersiapkan diri menghadapi kehidupan di dunia dengan penuh rasa ketaqwaan kepada Allah S.W.T. di samping bersedia menempuh Hari Akhirat, yang merupakan hari menghisab semula segala amalan-amalan hidup manusia yang dilakukan semasa hayat di dunia. Sayyidina Umar al-Khattab r.a. pernah menyatakan:

حسابوا أنفسكم قبل أن تحاسبوا وزنوها قبل أن توزنوا وتهيئوا للعرض الأكبر

Maksud: “*Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisabkan (di hari akhirat kelak) dan timbanglah amalan kamu sebelum kamu ditimbangkan (di hari akhirat kelak) dan bersedialah untuk menghadapi hari akhirat*”.

(Al-Ghazali, 1988)

Oleh itu, peruntukkan suatu masa yang sesuai untuk mengadakan program *muhasabat* diri dengan Allah, melalui merenung sejenak dan menilai semula hakikat kehidupan yang telah dilalui dan bakal menempuhnya. Setelah jelas dengan penilaian tersebut, majukan diri dengan menguatkan keazaman di dalam hati sanubari dan jiwa nurani untuk terus beramal dengan amalan-amalan yang baik. Dengan ini dapat membangkitkan nilai-nilai ketaqwaan dan keagungan Ilahi dalam diri manusia.

### **3. *Mu'aqabah* (Peneguhan Rohani)**


*Mu'aqabah* ialah penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Kesilapan atau kesalahan yang dilakukan tidak boleh dibiarkan sahaja kerana ia mungkin akan berulang. Oleh itu, satu inisiatif perlu diambil untuk memperbaiki kesilapan yang lalu kerana kesilapan adalah dosa yang mana dosa yang kecil akan menyebabkan menjadi besar jika ia sentiasa diulangi. Justeru proses *mu'aqabah* dapat menghukum diri setelah membuat penelitian dan penilaian terhadap perbuatan yang dilakukan.

### **3. *Mujahadah* (Penentangan Nafsu)**

*Mujahadah* ertinya berjuang bersungguh-sungguh di jalan Allah S.W.T. tanpa menghiraukan perasaan takut dan gentar yang timbul dalam diri seseorang (Lutfi, 2000). Ia juga membawa maksud bahawa sifat ini dapat menghindari perasaan malas terhadap aktiviti kehidupan yang didorong oleh hawa nafsu. Apabila seseorang mempunyai sifat *mujahadah*, dia akan merasakan dirinya sentiasa bersemangat dalam perjuangan hidup khususnya dalam mengerjakan ibadat terhadap Allah S.W.T.

### **3. *Mu'atabah* (Pembersihan Jiwa)**

*Mu'atabah* ialah proses mengkritik diri sehingga melahirkan rasa kekesalan terhadap kesalahan yang dilakukan (Sa'id Hawwa, 1998). Tujuannya untuk mewujudkan ketenangan jiwa, tidak gentar menghadapi sebarang ujian dan yakin bahawa rahmat dan reda Allah S.W.T. sentiasa bersamanya. Sesungguhnya sifat mengkritik diri memberi kesan mendalam terhadap jiwa dan ia bertindak sebagai pemberi ingatan dan amaran dalam melakukan sesuatu amalan. Sebagaimana firman Allah Taala:



Maksud: “*Dan berikanlah peringatan (khususnya terhadap diri sendiri), sebab peringatan itu bermanfaat untuk orang-orang mu'min.*”

(Surah *al-Zariyyat*, 51:55)

Kesimpulannya, daripada enam tahap tersebut, *muhasabah* ialah kunci terhadap proses perjalanan kerohanian diri. Tahap *musyaratah* dan *muraqabah* adalah langkah persediaan diri, seterusnya tahap *mu'aqabah* dan *mu'atabah* berperanan sebagai langkah penilaian dan pemurnian diri. Akhirnya tahap *mujahadah* merupakan cermin yang menentukan kegigihan seseorang untuk terus berusaha memupuk pembinaan etika yang mulia ini.

## **KAEDAH KAJIAN**

Perkara utama yang dibincangkan dalam bahagian kaedah kajian meliputi semua aspek yang berkaitan dengan prosedur kajian yang dijalankan. Dalam kaedah kajian terdapat huraihan meliputi reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, persampelan, instrumen kajian, kesahan instrumen kajian, kebolehpercayaan instrumen kajian, kajian rintis, prosedur mengumpul data, kaedah yang digunakan dalam menganalisis data dan menjelaskan teknik melaporkan hasil dapatan kajian (Cresswell, 2010).

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau strategi untuk menjalankan penyelidikan. Ia merangkumi cara menjalankan kajian, mendapatkan data dan kaedah analisis data yang dapat memenuhi matlamat kajian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan deskriptif bagi mengenal pasti *hisbah* akhlak dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Penggunaan reka bentuk kajian tinjauan dalam kajian ini dapat membantu pengkaji mengenal pasti *hisbah* pembelajaran akhlak dalam dalam pendidikan Islam. Secara umumnya, reka bentuk kajian ini melibatkan kaedah tinjauan melalui soal selidik dan disokong dengan temu bual terhadap murid tingkatan empat di negeri Kedah.

### **Populasi Kajian**

Populasi kajian terdiri daripada 1785 orang murid tingkatan empat yang telah mengikuti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Penyertaan murid tingkatan empat dalam kajian ini dipilih atas dasar mereka telah melepassi tahap kematangan umur baligh iaitu melebihi 15 tahun telah ditentukan sebagai had umur bagi memikul tanggungjawab syariat (Ulwan, 1984).

### **Instrumen Kajian**

Data kajian ini dikumpul dengan mengabungkan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data secara kuantitatif diperolehi dengan set soal selidik yang diedarkan kepada murid tingkatan empat di negeri Kedah. Mengikut Robson (1998), soal selidik sesuai untuk kajian tinjauan semasa yang melibatkan responden yang ramai berbanding temu bual. Walau bagaimanapun soal selidik perlu dibina dengan baik demi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan. Instrumen soal selidik kajian ini diadaptasi daripada Kamarul Azmi (2010), Aderi (2008), Zaharah (2008) dan Azhar (2006) tentang latar belakang dan penghayatan akhlak. Manakala pembinaan

instrumen melibatkan item bagi *hisbah* pembelajaran kendiri, *hisbah* pembelajaran pendidikan Islam dan *hisbah* pembelajaran sosial. Soal selidik kajian meliputi bahagian yang mengandungi lima bahagian iaitu Bahagian A: Latar belakang demografi; Bahagian B: Pencapaian dan aktiviti kokurikulum dalam Pendidikan Islam; bahagian C: Pengamalan *hisbah* pembelajaran kendiri; Bahagian D: *hisbah* pembelajaran pendidikan Islam dan bahagian E: *hisbah* pembelajaran sosial. Manakala pengumpulan data melalui kualitatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur diperlukan untuk menyokong dan memperdalamkan data yang diperolehi dalam soal selidik. Penggunaan kaedah temu bual dapat mengukuhkan kefahaman tentang fenomena yang diselidik (Cohen *et al.*, 2000) dan sangat praktikal digunakan dalam memperolehi maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil (Mohd. Majid Konting 2005).

### Skala Jawapan Responden

Instrumen kajian *hisbah* pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam menggunakan skala jawapan jenis likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan dalam borang soal selidik. Skala Likert sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang sesuatu amalan, persepsi dan sikap (Cohen *et al.* 2000; Wiersma 2000; Azma 2005; Azhar 2006; Azmil 2010). Pemilihan skala Likert dalam kajian ini juga disarankan oleh pakar penilai memandangkan responden yang terdiri daripada murid lebih mudah memberi jawapan soal selidik menggunakan skala Likert. Dalam konteks kajian ini, responden diberi pilihan jawapan 1 hingga 5 iaitu tidak Pernah (1), Sekali Sekala (2), Kadang-kadang (3), Selalu (4) dan Sangat Kerap (5).

Berdasarkan kajian Kamarulzaman *et al.* (2009), pengkaji menjustifikasi skala kekerapan amalan *hisbah* pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam adalah seperti berikut iaitu Tidak Pernah diberi skor (1) sebagai tidak pernah melakukan amalan *hisbah*, Sekali Sekala diberi skor (2) iaitu 1-2 kali sebulan, Kadang-Kadang dengan skor (3) iaitu 3-4 kali sebulan, Kerap yang diberi skor (4) iaitu 5-6 kali sebulan dan Sangat Kerap diberi skor (5) iaitu lebih 7 kali seminggu. Jadual 3.8 menjelaskan interpretasi terhadap skor bagi skala lima mata Likert yang digunakan dalam soal selidik *hisbah* pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam.

**Jadual 1** Interpretasi Skala Likert dalam *Hisbah* Pembelajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam

Skala	Amalan <i>Hisbah</i> Pembelajaran Akhlak	Interpretasi kekerapan
1	Tidak Pernah	Tidak Pernah
2	Sekali Sekala	2-1 kali sebulan
3	Kadang-Kadang	4-3 kali sebulan
4	Selalu	6-5 kali sebulan
5	Sangat kerap	Lebih tujuh kali seminggu

*Sumber:* Ubahsuai dari Kamarulzaman *et.al.* (2009)

### Temu bual Separa Berstruktur *Hisbah* Pembelajaran Akhlak

Kajian ini juga melibatkan pengumpulan data secara kualitatif melalui satu set temu bual separa berstruktur. Temu bual dijalankan ke atas responden yang dipilih secara rawak oleh pihak sekolah. Soalan temu bual berasaskan kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam Soal Selidik *Hisbah*

Pembelajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam. Tujuan temu bual dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang *hisbah* pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam yang diamalkan oleh responden dalam kehidupan seharian. Penggunaan kaedah temu bual dapat mengukuhkan lagi kefahaman tentang fenomena yang diselidiki (Cohen et al. 2000; Bogden & Milken 2003). Kaedah temu bual juga berperanan untuk merentas kesahan daripada hasil daptan kajian yang diperolehi melalui kaedah seperti kaedah tinjauan dalam kajian ini (Van Maanen 1983).

Temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian agar dapat mengekalkan objektif untuk mendapatkan maklumat tertentu daripada responden. Kaedah ini bersifat lebih anjal dan bersesuaian dengan personaliti serta situasi murid yang ditemu bual (Drever 1995). Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat meninjau dengan mendalam terhadap respon yang diberikan oleh responden. Temu bual separa berstruktur juga memberi ruang dan peluang kepada pengkaji mengenal pasti konsep *hisbah* pembelajaran akhlak yang telah dipraktik oleh murid tingkatan empat. Murid yang terlibat dengan sesi temu bual diminta untuk memerihalkan aktiviti *muhasabah* diri yang merupakan *hisbah* dalaman yang terdiri daripada amalan *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'aqabah*, *mujahadah* dan *mu'atabah*. Manakala *hisbah* pembelajaran akhlak dilihat dari aspek penghayatan responden terhadap Pendidikan Islam yang merangkumi tilawah, hadis, aqidah, ibdah, sirah dan adab. *Hisbah* pembelajaran sosial pula bertindak sebagai pengawasan luaran yang melibatkan ibu bapa, guru, rakan sebaya, persekitaran sekolah dan persekitaran masyarakat. Soalan-soalan temu bual berbentuk soalan terbuka dan direka bentuk untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang amalan yang dilakukan oleh murid dalam memahami proses pembelajaran tingkah laku berakhlik. Secara amnya, soalan instrumen temu bual diadaptasi daripada item dalam soal selidik yang menggunakan kaedah tinjauan. Ini bagi memastikan nilai kesahan kandungan instrumen temu bual adalah sah memandangkan data bagi instrumen soal selidik juga mempunyai konsep yang sama.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif dijalankan untuk menjawab soalan kajian satu hingga tiga. Tujuannya untuk mengenal pasti *hisbah* pembelajaran kendiri dalam Pendidikan Islam dalam kalangan murid tingkatan empat. Dapatan data yang dianalisis secara deskriptif diinterpretasi menggunakan jadual skor min tingkah laku afektif yang dirumuskan (rujuk Jadual 3.12) oleh Nunally (1978) dan digunakan oleh Norasmah (2001), Azhar (2006) dan Azmil (2010). Pengkaji menganalisis data secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai. Analisis deskriptif merupakan teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian tentang tahap *hisbah* pembelajaran kendiri dalam Pendidikan Islam, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 3.12.

**Jadual 2 Interpretasi Skor Min Dimensi Tingkah Laku Afektif**

Skor min	Interpretasi
4.01– 5.00	Tinggi
3.01– 4.00	Sederhana Tinggi
2.01– 3.00	Sederhana Rendah
1.01– 2.00	Rendah

*Sumber:* Nunally (1978)

**SK 1 Apakah tahap hisbah pembelajaran kendiri dalam kalangan murid sekolah menengah di negeri Kedah?**

Tahap *hisbah* pembelajaran kendiri meliputi semua item yang berkaitan dengan enam elemen, iaitu perjanjian hati, pemerhatian tingkah laku, perhitungan amalan, peneguhan rohani, penentangan nafsu dan pembersihan jiwa. Semua item dianalisis secara deskriptif untuk mengetahui tahap amalan *hisbah* pembelajaran kendiri yang dilakukan oleh murid tingkatan empat di seluruh negeri Kedah.

### Tahap *Hisbah* Pembelajaran Kendiri

Jadual 3 menjelaskan *hisbah* pembelajaran kendiri yang dianalisis melalui statistik deskriptif. Analisis menggunakan skor min yang dibahagikan kepada tiga interpretasi skor tingkah laku afektif, sederhana tinggi dan sederhana rendah.

Secara keseluruhannya, data analisis deskriptif bagi *hisbah* pembelajaran kendiri menunjukkan skor min sederhana tinggi ( $\text{min}=3.68$ ,  $\text{sp}=1.12$ ). Berdasarkan Jadual 4.7 menunjukkan hanya 3 item sahaja yang mencapai skor tinggi iaitu berusaha menentang amalan syirik ( $\text{min}=4.10$ ,  $\text{sp}=1.39$ ), menyesali dosa ( $\text{min}=4.12$ ,  $\text{sp}=0.94$ ) dan berjanji untuk memperbaiki amalan diri ( $\text{min}=4.04$ ,  $\text{sp}=0.98$ ). Kebanyakan item dalam *hisbah* pembelajaran kendiri mempunyai skor sederhana tinggi berbanding hanya dua item sahaja sederhana rendah iaitu meminta rakan mengkritik tingkah laku ( $\text{min}=2.94$ ,  $\text{sp}=1.25$ ) dan mengamalkan sifat mengira kebaikan dan kelemahan ( $\text{min}=2.61$ ,  $\text{sp}=1.19$ ).

Dapatkan kajian dalam Jadual 4.7 menjelaskan sebahagian besar item dalam *hisbah* pembelajaran kendiri diinterpretasikan sebagai skor sederhana tinggi. Antaranya seperti berniat melakukan kebaikan dan menjauhi larangan Allah ( $\text{min}=3.17$ ,  $\text{sp}=1.15$ ), berjanji dalam hati ( $\text{min}=3.11$ ,  $\text{sp}=1.14$ ), melakukan amalan berzikir ( $\text{min}=3.22$ ,  $\text{sp}=1.09$ ), menjauhi sifat somborg dan kedekut ( $\text{min}=3.84$ ,  $\text{sp}=1.04$ ) dan berniat dengan ikhlas ( $\text{min}=3.79$ ,  $\text{sp}=1.02$ ). Begitu juga dengan item berhati-hati dengan amalan yang dilakukan ( $\text{min}=3.85$ ,  $\text{sp}=1.06$ ), berwaspada dengan manusia yang berakhlak buruk ( $\text{min}=3.99$ ,  $\text{sp}=1.05$ ), mengawal diri dengan keinginan material ( $\text{min}=3.40$ ,  $\text{sp}=1.18$ ) dan mengambil keputusan berdasarkan suruhan Allah ( $\text{min}=3.43$ ,  $\text{sp}=1.04$ ), menganalisis amalan pahala dosa ( $\text{min}=3.22$ ,  $\text{sp}=1.09$ ), melaksanakan perbuatan pahala ( $\text{min}=3.71$ ,  $\text{sp}=0.99$ ) mengingati diri ( $\text{min}=3.98$ ,  $\text{sp}=0.97$ ), gelisah jika tidak berdoa kepada Allah ( $\text{min}=3.53$ ,  $\text{sp}=1.16$ ), susah hati dengan sifat tamak ( $\text{min}=3.16$ ,  $\text{sp}=1.40$ ), membaca al-Quran ( $\text{min}=3.29$ ,  $\text{sp}=1.17$ ) dan menginsafi diri dengan berzikir ( $\text{min}=3.58$ ,  $\text{sp}=1.06$ ), amalan berpuasa ( $\text{min}=3.13$ ,  $\text{sp}=1.27$ ), mengawal keinginan perut ( $\text{min}=3.30$ ,  $\text{sp}=1.18$ ), menentang hawa nafsu syahwat ( $\text{min}=3.80$ ,  $\text{sp}=1.20$ ), mengutuk diri ( $\text{min}=3.67$ ,  $\text{sp}=1.17$ ), mencela diri yang sukakan keseronokan dunia ( $\text{min}=3.39$ ,  $\text{sp}=1.15$ ) dan berusaha membersihkan diri ( $\text{min}=3.99$ ,  $\text{sp}=0.94$ ).

### Temu bual *Hisbah* Pembelajaran Kendiri

Temu bual dijalankan untuk mengetahui tentang amalan *hisbah* pembelajaran kendiri dalam kalangan murid tingkatan empat di Kedah. Data temu bual menjelaskan bahawa murid mengamalkan *hisbah* pembelajaran kendiri secara tidak formal terutama ketika menghadapi masalah yang menyulitkan fikiran dan susah hati yang tidak dapat dikongsikan dengan orang lain. Berikut adalah temu bual *hisbah* pembelajaran kendiri murid tingkatan empat:

Penyelidik : *Adakah saudara tahu tentang hisbah?*  
 Murid : *Maaf ustazah, saya tak pernah dengar perkataan tu.*

Jadual 3 *Hisbah Pembelajaran Kendiri*

Item	TP	KK	AK	K	SK	Min	S.P	Interpretasi
berniat melakukan kebaikan dan menjauhi larangan Allah	75 (4.2)	542 (30.4)	459 (35.7)	428 (24)	281 (15.7)	3.17	1.15	Sederhana Tinggi
berjanji dalam hati untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran	92 (5.2)	549 (30.8)	462 (25.9)	430 (24.1)	252 (14.1)	3.11	1.14	Sederhana Tinggi
mendidik jiwa dengan melakukan amalan berzikir	38 (%2.1)	522 (%29.2)	501 (%28.1)	461 (%25.8)	263 (%14.7)	3.22	1.09	Sederhana Tinggi
mengambil berat tentang kesihatan rohani dengan menjauhi sifat sompong dan kedekut	23 (%1.3)	201 (%11.3)	382 (%21.4)	612 (%34.3)	567 (%31.8)	3.84	1.04	Sederhana Tinggi
menyedari tentang peranan akal, jiwa, hati dan rohani yang berperanan penting dalam menghasilkan niat yang ikhlas	16 (%6.9)	205 (%11.5)	440 (%24.6)	598 (%33.5)	526 (%29.5)	3.79	1.02	Sederhana Tinggi
berhati-hati dengan amalan yang dilakukan	13 (%6.7)	253 (%14.2)	526 (%29.5)	617 (%34.6)	376 (%21.1)	3.61	0.99	Sederhana Tinggi
memerhati tingkah laku baik manusia	19 (%1.1)	236 (%13.2)	339 (%19.0)	584 (%32.7)	607 (%34.0)	3.85	1.06	Sederhana Tinggi
berwaspada dengan manusia yang berakhhlak buruk	27 (%1.5)	179 (%10.0)	297 (%16.6)	560 (%31.4)	722 (%40.4)	3.99	1.05	Sederhana Tinggi
mengawal diri dengan keinginan untuk hidup mewah dan bangga dengan kekayaan dunia	107 (%6.0)	337 (%18.9)	442 (%24.8)	534 (%29.4)	375 (%21)	3.40	1.18	Sederhana Tinggi
mengambil sesuatu keputusan berdasarkan kepada amalan yang disuruh oleh Allah	27 (%1.5)	359 (%20.1)	528 (%29.6)	569 (%31.9)	302 (%16.9)	3.43	1.04	Sederhana Tinggi
menganalisis setiap amalan yang dilakukan sama ada mendatangkan pahala atau dosa	48 (%2.7)	360 (%20.2)	495 (%27.7)	522 (%29.2)	360 (%20.2)	3.44	1.10	Sederhana Tinggi
mengamalkan perbuatan baik untuk mendapat pahala dan menjauhi amalan mungkar	7 (%4.)	231 (%12.9)	474 (%26.6)	639 (%35.8)	434 (%24.3)	3.71	0.99	Sederhana Tinggi
mengingati diri untuk melakukan kebaikan yang mendapatkan pahala	12 (%6.7.)	138 (%6.7.)	372 (%20.8)	609 (%34.1)	654 (%36.6)	3.98	0.97	Sederhana Tinggi
meminta rakan saya mengkritik tingkah laku buruk yang saya lakukan	246 (%13.8)	476 (%26.7)	459 (%25.7)	356 (%19.9)	248 (%13.9)	2.94	1.25	Sederhana Rendah

mengamalkan sifat suka mengira tentang amalan yang melayakkan saya ke syurga atau neraka	377 (%21.1)	498 (%27.9)	472 (%26.4)	317 (%17.8)	121 (%6.8)	2.61	1.19	Sederhana Rendah
gelisah jika tidak berdoa kepada Allah	53 (%3.0)	355 (%19.9)	430 (%24.1)	484 (%27.1)	463 (%25.9)	3.53	1.16	Sederhana Tinggi
susah hati jika selepas bersedekah wujud sifat tamak dalam diri	314 (%17.6)	282 (%15.8)	386 (%21.6)	406 (%622.7)	397 (%622.2)	3.16	1.40	Sederhana Tinggi
membaca al-Quran apabila saya lalai mengingati Allah	79 (%4.4)	451 (%25.3)	479 (%26.8)	432 (%24.2)	344 (%19.3)	3.29	1.17	Sederhana Tinggi
menginsafi diri di atas kesilapan yang dilakukan dengan berzikir kepada Allah	22 (%1.2)	307 (%17.2)	486 (%27.2)	553 (%31.0)	417 (%23.4)	3.58	1.06	Sederhana Tinggi
berpuasa untuk menutup keinginan hawa nafsu	196 (%11.0)	447 (%25.0)	396 (%22.2)	431 (%24.1)	315 (%17.6)	3.13	1.27	Sederhana Tinggi
berusaha mengawal keinginan perut untuk makan berlebihan	100 (%5.6)	414 (%23.2)	456 (%25.5)	483 (%27.1)	332 (%18.6)	3.30	1.18	Sederhana Tinggi
berusaha mengawal diri saya daripada menuur nafsu syahwat seperti melihat bahan lucu	85 (%4.8)	225 (%12.6)	322 (%18.0)	490 (%27.5)	663 (%37.1)	3.80	1.20	Sederhana Tinggi
berusaha menentang amalan syirik seperti mohon keramat daripada kubur makssiat	215 (%12)	67 (%3.8)	153 (%8.6)	234 (%13.1)	1116 (%62.5)	4.10	1.39	Tinggi
menguruk diri yang mudah terpedaya dengan dorongan melakukan perkara makssiat	88 (%4.9)	220 (%12.3)	423 (%23.7)	523 (%29.3)	531 (%29.7)	3.67	1.17	Sederhana Tinggi
mencela jiwa yang mengutamakan keseronokan dunia yang melekakan diri daripada mengingati Allah	100 (%5.6)	316 (%17.7)	508 (%28.5)	506 (%28.3)	355 (%19.9)	3.39	1.15	Sederhana Tinggi
menyesali tentang kesalahan dosa yang dilakukan	9 (%0.5)	113 (%6.3)	306 (%17.1)	583 (%32.7)	774 (%43.4)	4.12	0.94	Tinggi
berusaha mempertingkatkan amalan kebaikan untuk membersihkan diri daripada dosa	6 (%0.3)	135 (%7.6)	355 (%19.9)	671 (%37.6)	618 (%34.6)	3.99	0.94	Sederhana Tinggi
berjanji untuk memperbaiki amalan diri agar memperolehi jiwa yang mutmainnah (jiwa yang tenang)	7 (%0.4)	146 (%8.2)	334 (%18.7)	574 (%32.2)	724 (%40.6)	4.04	0.98	Tinggi
<b>Jumlah</b>						3.68	1.12	Sederhana Tinggi

- Penyelidik : *Ok! Dalam bahasa yang mudah pernah dengar perkataan muhasabah diri?*  
 Murid : *Kalau muhasabah diri memang selalu dengar ustaz cakap dalam ceramah.*
- Penyelidik : *Apa yang saudara faham tentang muhasabah diri?*  
 Murid : *Yang saya faham muhasabah diri melakukan renungan terhadap dosa yang dilakukan, tapi saya sendiri pun jarang sangat buat. Kalau buat pun time nak exam. Bukan apa.... bertaubat, takut tak boleh jawab exam.*
- Penyelidik : *Adakah saudara pernah buat janji pada diri sendiri?*  
 Murid : *Dalam setahun saya buat juga janji diri, itu pun masa sambut tahun baru. waktu lain seingat saya masa nak ambil PMR last year. Azam saya nak dapat result 9A. Insya Allah. Tapi lastly boleh skor 4 A je. Boleh la cukup makan.*
- Penyelidik : *Pernahkah saudara berjanji pada diri sendiri nak jadi mukmin yang soleh?*  
 Murid : *Itu memang setiap waktu nak jadi baik, tapi ustazah bukan senang, terutama bila dok dengan kawan payah juga la nak buat baik, terikut dengan kawan.*
- Penyelidik : *Awak ikut kawan buat apa?*  
 Murid : *Malu nak cerita.*
- Penyelidik : *Tak apa kita kongsi cerita untuk kemanfaatan bersama agar menjadi panduan kepada kita semua.*  
 Murid : *Bukan apa ustazah, saya ni kawan dengan semua orang, yang baik, yang nakal semua saya kawan. Jadi dok tengok kawan hisap rokok, tak boleh tahan, lepas tu kawan ajak sama. Apa lagi ikut sekalilah saya. La ni saya dok try nak stop, lepas tu berjanji dalam hati tak mau buat lagi, tapi susah sikit nak buat.*
- Penyelidik : *Selain awak janji dalam hati tak mahu buat lagi, adakah anda mengambil tindakan berwaspada pada diri supaya mematuhi janji anda untuk tidak merokok lagi?*  
 Murid : *Saya memang nak berubah, so saya pun kurangkan berkawan dengan kawan yang ajak merokok. La ni saya banyak berkawan dengan murid yang selalu pi surau. Insaf sebab waktu semua pi surau kami melepak hisap rokok kat toilet. Jadi saya ambil keputusan baik solat kat surau, sekurang-kurangnya tak la terjebak selalu dengan kawan yang hisap rokok.*
- Penyelidik : *Apakah anda menganggap merokok itu suatu kesalahan?*  
 Murid : *Merokok memang dah jadi kesalahan kat sekolah ni, Cuma nak buat macam mana teringin la pulak tengok kawan happy je hisap rokok. Saya pun awalnya nak cuba-cuba saja. Kemudia seronok pulak. Sampai la bila mak saya dapat tahu. Mak saya tak marah cuma menangis saja ketika nasihatkan saya jangan lagi merokok. Sejak hari tu saya pun menyesal sebab bagi mak menangis.*
- Penyelidik : *Adakah saudara pernah mengira amalan pahala dan dosa yang dilakukan?*  
 Murid : *Kira secara tepat, tak pernah la pulak, tapi kalau dok renung diri, memang banyak buat dosa dengan mak dan ayah. Kalau amalan pahala tu susah sikit nak pasti sebab bila solat pun bukannya khusyuk. Solat sebab mak asyik dok berleter.*
- Penyelidik : *Bagaimana pula dengan amalan hukuman diri dengan amalan rohani seperti berzikir, berpuasa atau solat taubat jika melakukan kesalahan?*  
 Murid : *Saya tak pernah la hukum diri bila buat dosa, cuma bila teringatkan dosa selalu sebut nama Allah supaya mengampuni dosa saya.*

- Penyelidik : *Adakah saudara pernah berusaha menentang keinginan hawa nafsu seperti nak merokok?*
- Murid : *Memang sampai hari ini saya berusaha tak mau lagi merokok, memang susah. Tapi saya cuba jugak, ikut kawan yang tak merokok dan puasa hari Isnin dan Khamis. Alhamdulillah dah boleh kurang banyak daripada dulu.*
- Penyelidik : *Apakah pandangan saudara tentang amalan solat, puasa dan membaca al-Quran dapat membersihkan jiwa manusia?*
- Murid : *Memang bila kita solat, baca al-Quran dan puasa sunat dapat memberi kekuatan kepada kita. Kami yang tinggal di asrama dididik membaca al-Quran selepas solat subuh, dan saya memang setuju bahawa amalan solat, puasa dan baca al-Quran dapat menguatkan diri kepada kebaikan.*

Dapatan temu bual bersama wakil murid di atas menjelaskan bahawa amalan *hisbah* pembelajaran kendiri dilakukan oleh murid secara tidak langsung dalam amalan harian mereka. Hasil temu bual juga menunjukkan bahawa murid tersebut melaksanakan proses *muhasabah* diri untuk melahirkan kesedaran berakhhlak yang positif. Selain itu, dorongan sosial juga memainkan peranan dalam membentuk peribadi murid yang berakhhlak baik. Justeru *hisbah* pembelajaran sosial dikenal pasti bagi mengetahui sejauhmana amalan *hisbah* pembelajaran sosial dalam kalangan murid.

## KESIMPULAN

Kajian pendekatan *hisbah* dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah usaha untuk mengetengahkan kebolehan kawalan diri dalam mendidik akhlak. Pendidikan akhlak yang menggunakan kebolehan kawalan diri dalam Islam bertujuan untuk melahirkan kesedaran berakhhlak yang dapat menilai kebaikan dan keburukan yang disyariatkan dalam Islam iaitu amar makruf dan nahy munkar. Sehubungan dengan itu, kebolehan kawalan diri dalam Islam adalah sebahagian daripada sistem pengawasan *hisbah* yang mempunyai dua elemen iaitu pengawasan dalaman dan luaran. Pengawasan dalaman adalah sama maksud dengan kebolehan kawalan diri yang melibatkan proses *muhasabat al-nafs*. Proses tersebut terdiri daripada *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'aqabah*, *mujahadah* dan *mu'atabah*. Pengawasan luaran adalah kawalan daripada ibu bapa, guru, rakan sebaya, persekitaran masyarakat dan persekitaran sekolah yang mengimplementasikan proses *muhasabat al-nafs* dalam pendidikan akhlak dalam kalangan murid-murid. Secara khususnya kajian ini adalah untuk meninjau sejauhmana proses *muhasabat al-nafs* dijadikan pendekatan sebagai *hisbah* pembelajaran kendiri iaitu kebolehan kawalan diri dalam mendidik akhlak murid melalui pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan sukatan tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa skor min *hisbah* pembelajaran kendiri berada pada tahap sederhana tinggi ( $\text{min}=3.68$ ,  $\text{sp}=1.12$ ). Berdasarkan datapan kajian tersebut, dapat dirumuskan bahawa *hisbah* pembelajaran kendiri dalam Pendidikan Islam diamalkan oleh murid tingkatan empat.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2001). Persepsi pelajar muslim terhadap konsep akhlak. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam dunia Globalisasi. Unniversiti Malaya, Fakulti Pendidikan, 23-25 Mei.
- Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak. (2003). Pengajaran akhlak di sekolah menengah: persepsi pelajar-pelajar. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Antara tradisi dan inovasi. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamizah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim dan Khadijah Abdul Razak. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. UKM: Fakulti Pendidikan (laporan penyelidikan tidak diterbitkan kod GG002/2004).
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2006). Hubungan media massa dengan pegangan akhlak dan pengajaran Pendidikan Islam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5): Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Pemangkin Pendidikan Islam. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam, falsafah, disiplin dan peranan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 'Abd Allah Muhammad 'Abd Allah (1996). *Wilayah al- fi al-Islam*. al-Qahirah: Maktabat al-Syu'ara'.
- Abdullah, Ishak. (1995). Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 'Abd. al-Halim 'Uwais. (1982). *al-Wazifat al-Islamiyyat fi Hajatin ila Ru'yat al-Jadidat*. al-Muslim al-Mu'asir, Jan, Bil. 29.
- Abd. Halim el-Muhammady. (1994). Pendidikan Islam: Peranannya dalam pembangunan ummah. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). Pendidikan Islam (dinamika guru). Kuala Lumpur; Fajar Bakti.
- Ajmain, 2009. Pembinaan instrumen pentaksiran akhlak pelajar. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-7 (peringkat Nusantara). Indonesia: Institut Studi Darussalam Gontor.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (1988). *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (t.th). *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). The concept of education in Islam. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Abdul Halim El-Muhammady. (1984). Pendidikan Islam: Skop dan matlamatnya *Pendidikan Islam* 1: 10-23.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1995). Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* 7 (2): 155-164.
- Auni Abdullah (2000). *Hisbah Dalam Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS SDN BHD.
- Azemi, Shaari, Rusimah Sayuti, Afifah Abu Yazid & Mardzelah Makhsin. (2006). Hubungan *Hisbah* dengan Penghargaan Kendiri Murid. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Azhar, Ahmad. (2006). Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azma, Mahmood. (2006). Pengukuran penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azmil, Hashim. (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Basya, Hasan (1966). *al-Funun al-Islamiyyat wa al-Waza'if 'ala al-'Athar al-'Arabiyyat*, Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Cohen, L. Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research methods in education*. Ed. Ke-5. London: Routledge Falmer.
- Creswell, J.W (1994). *Research design qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.

- Drever, E. (1995). *Using Semi-structured interviews in small-scale research: a teacher's guide*. Glasgow: The Scottish council for Research in Education.
- Hamzah Ya'qub.(1983). *Etika Islam*. Bandung:CV Diponegoro.
- Kamarul Azmi, Jasmi. (2010). Guru cemerlang pendidikan Islam di sekolah menengah di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zawawi Ismail & Mohd Aderi Che Noh. (2009). Peranan persekitaran Bahasa Arab terhadap Bahasa Arab Komunikasi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 9 (peringkat Nusantara). Indonesia: Institut Studi Darussalam Gontor.
- Khadijah Abdul Razak. (2009). Pembentukan insan beraklak mulia daripada persepektif falsafah pendidikan Islam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 9 (peringkat Nusantara). Indonesia: Institut Studi Darussalam Gontor.
- Lutfi Mustafa al-Batnani. (2000). Peranan Sufi dalam Gerakan Islam. Kuala Lumpur; Pustaka Syuhada.
- Mardzelah Makhsin. (2002). Konsep *Hisbat* Dalam Islam: Kajian Kes di Kalangan Anggota Pengaruh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tesis Sarjana, Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mardzelah Makhsin. (2006). *Sains Pemikiran dan Etika*. Kelima ed. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mardzelah Makhsin. (2008). *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam* Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mardzelah Makhsin. Jun (2006). *Muhasabat al-Nafs* dalam Konteks Psikologi al-Ghazali: Kajian Kes di Kalangan Penjawat Awam. *Jurnal Psikologi Perkhidmatan Awam Malaysia* Bil.1.
- Mardzelah, Makhsin. (2005). Hubungan Pengamalan *Muhasabat al-nafs* dengan Aktiviti Rekreasi dalam Kalangan Murid. Perlis: Universiti Utara Malaysia
- Mohd. Aderi. (2006). Hubungan Amalan Pengajaran Guru dan pencapaian tilawah al-Quran pelajar tingkatan dua di sekolah menengah harian Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Majid, Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusuf, Ahmad. (2002). Falsafah dan sejarah pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Jamal al-Din al-Qasimiy (1990). *Mau'izzat al-Mu'minin min 'Ihya' 'Ulum al-Din*. Diterjemahkan oleh Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Norasmah Othman. (2001). Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nik Azis, Nik Pa. (2007). Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab: Berteraskan Islam Hadhari. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Nunally, J.C. (1978). *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill Publication Company.
- Robson, Colin. (1998). Real world research. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Said Hawwa. (1998). Mensucikan Jiwa; intisari Ihya 'Ulumuddin al-Ghazali: Robbani Press, Jakarta.
- 'Ulwan, Abdullah Nasih. (1989). Cet. Ke 3. *Pendidikan anak-anak dalam Islam*. 2 jilid. Pent. Syed Ahmad Semait. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD.
- 'Ulwan, Abdullah Nasih. (t.th). *Pedoman pendidikan anak dalam Islam* . Jilid 2. Pent. Saifullah Kamalie. Penyt.: Anwar Rasyidi. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir.
- Van Maanen, J. (pnyt.). (1983). *Qualitative Methodology*. California: Sage.

- William Wiersma. (2000). Research methods in Education:an introduction. USA: A Pearson Education Company Needham Heights. MA.
- Zaharah, Hussin. (2008). Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak Untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam, Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

## BIODATA PENULIS

**Mardzelah binti Makhsin** merupakan seorang Pensyarah, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia. Kepakaran dalam bidang Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

**Datuk Ab. Halim bin Tamuri** (PhD) merupakan seorang Profesor Madya di Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau dalam bidang Pendidikan Islam dan Pendidikan Nilai.

**Mohd Aderi bin Che Nuh** (PhD) merupakan seorang Pensyarah Kanan, Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau dalam bidang Pendidikan Islam dan Metodologi Kajian.

**Mohamad Fadhli bin Ilias** merupakan seorang Pensyarah, Jabatan Syariah, Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis. Kepakaran beliau dalam bidang Syariah dan Pengurusan Pendidikan Islam.